

Nama:

Kelas:

Latih Tubi Pendidikan Islam Ting 3 (Sirah)

Padankan pada pernyataan yang betul.

- Rasulullah bermimpi bahawa baginda memasuki Masjidil Haram, mengambil kunci Kaabah serta melaksanakan [] bersama dengan para sahabat.
- Pada hari Isnin, awal bulan [] tahun ke 6 Hijrah, Rasulullah bertolak ke Mekah bersama dengan 1400 orang sahabat dengan pedang yang bersarung.
- Khalid bin al Walid bersama dengan tenteranya berjumlah [] cuba untuk menghalang Rasulullah memasuki Mekah.
- Rasulullah bersama para sahabat membuat bai'ah untuk setia bersama Rasulullah dan tidak meninggalkan Baginda dikenali sebagai [].
- Antara isi kandungan Perjanjian Hudaibiyah ialah tiada peperangan antara kedua-dua belah pihak selama [].
- Orang Mekah yang lari ke [] perlu dikembalikan ke Mekah.
- Pada [] tahun ke 8 Hijrah Rasulullah bergerak ke Mekah bersama dengan 10000 orang tentera
- Abu Sufyan mengumumkan kepada Musyrikin Mekah agar berunding rumahnya, rumah masing-masing atau dalam [].
- Antara faktor kejayaan pembukaan Kota Mekah ialah tentera Islam mempunyai semangat [] yang tinggi dan berdisiplin
- Tindakan awal Rasulullah selepas pembukaan Kota Mekah ialah menunaikan [], mengucup Hajarul Aswad serta memusnahkan berhala.
- Bilal bin Rabah dilantik menjadi [] pertama dalam Islam
- Bilal bin Rabah tetap beriman walaupun disiksa oleh tuannya iaitu []
- Beliau dibeli dan dibebaskan oleh []
- Saidina Abu Bakar dan Saidina Umar melantik [] sebagai penasihat dalam urusan hukum hakam agama.
- Muaz bin Jabal wafat pada tahun ke 18 Hijrah pada zaman khalifah []
- Saidina Abdul Rahman bin Auf berketurunan [] bin Kilab daripada golongan Muhajirin
- Saidina Abdul Rahman bin Auf terkenal dengan sifat []
- Beliau juga merupakan seorang hartawan yang [] dan tawadhuk
- Khalid bin al Walid berketurunan []
- Beliau digelar [] yang bermaksud pedang Allah
- Saidina Abu Bakar melantik Khalid al Walid sebagai [] untuk menentang nabi-nabi palsu.

Bai'ah al Ridhwan

10 tahun

umrah

200 orang

Masjidil Haram

Zulkaedah

Madinah

panglima

Bani Makhzum

Bani Zuhrah

Saidina Abu Bakar

Saifullah

Umayyah bin Khalaf

Zuhud

Dermawan

Muaz bin Jabal

Umar bin Alkhatab

Muazzin

Tawaf

jihad

10 Ramadan